

HARI : SELASA
TARIKH : 17/3/2020
M/SURAT : 2A

Jamin bekalan harian mencukupi

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan bahawa bekalan makanan, keperluan harian dan penjagaan kesihatan termasuk topeng mulut dan hidung mencukupi menjelang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara bermula esok hingga 31 Mac ini.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah diarahkan supaya sentiasa memantau situasi bekalan makanan dan keperluan harian di pasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa.

"Saya merayu kepada orang ramai supaya sentiasa mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan ini kerana ia adalah

tanggungjawab kita bersama yang mestilah dilaksanakan sebagai rakyat prihatin.

"Jika mempunyai sebarang pertanyaan berhubung Perintah Kawalan Pergerakan boleh menghubungi Pusat Pengurusan Operasi Negara di talian hotline 03-88882010 bermula jam 12 tengah hari esok (hari ini)," katanya dalam perutusan khas Covid-19 disini, malam tadi.

Beliau turut memaklumkan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara akan bermesyuarat setiap hari untuk memantau dan mengawasi situasi wabak Covid-19.

"Saya sendiri akan mempengaruhi mesyuarat ini dan memaklumkan perkembangan situasi wabak Covid-19 dari semasa ke semasa," katanya.